

2

TEORI-TEORI PERKEMBANGAN

Zainuddin Abu Bakar

Pengenalan

Pengetahuan mengenai pertumbuhan dan perkembangan adalah sangat penting di dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk perancangan kurikulum dan mencipta teknik mengajar kepada semua pelajar di dalam pelbagai peringkat perkembangan. Pertumbuhan dan perkembangan merupakan dua proses yang saling berkait. Pengetahuan mengenai psikologi pertumbuhan dan perkembangan membolehkan guru memahami perkembangan konsep yang dicapai oleh kanak-kanak berbagai umur akan membolehkan guru merancang serta memilih bahan bacaan pada peringkat kesukaran yang paling sesuai. Guru perlu mengetahui jenis minat yang mungkin dibentuk oleh kanak-kanak berbagai peringkat umur untuk memberi dorongan agar penyertaan pelajar yang berkesan dapat dijayakan di dalam bilik darjah.

Menurut Sharifah Alwiah Alsagof matlama bidang psikologi pertumbuhan dan perkembangan adalah :

- (a) Untuk beri pemerian yang paling tepat, objektif dan sempurna tentang asal-usul fungsi biologi dan psikologi dan seterusnya untuk menentukan jenis serta ciri-ciri perubahan umur di dalam fungsi-fungsi tersebut.
- (b) Untuk memahami mekanisme, proses dan penentu penentu tingkah laku.
- (c) Untuk meramal tingkah laku.

Definisi Pertumbuhan

Kamarudin Husin (1997:4) pertumbuhan bermaksud suatu perubahan yang boleh dinilai atau diukur satu peringkat ke satu peringkat perkembangan yang lain dari satu jangka masa ke satu jangka masa yang lain. Selain itu, pertumbuhan juga melibatkan perubahan dari segi kuantiti seperti berat badan, tinggi, lebar dada dan sebagainya yang dapat dilihat pada sesuatu organisma

dengan jelas. Menurut beliau lagi pertumbuhan juga melibatkan perubahan struktur dan fungsi tubuh individu dalam proses menuju kematangan.

Menurut Karl Garrison dalam Murugiah, pertumbuhan merupakan perkembangan seseorang individu dalam bentuk saiz badan iaitu perubahan-perubahan otot, tulang, kulit, rambut dan kelenjar. Menurut Atan Long pula pertumbuhan adalah perubahan yang dapat diukur dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain. Kuantiti pertumbuhan tersebut dapat dilihat dengan jelas daripada pengukuran yang dibuat dari masa ke semasa.

Arnold Gesell dalam Kamaruddin Husin, mengatakan bahawa pertumbuhan manusia adalah mengikut corak yang dapat diteloh. Beliau berpendapat walaupun tidak terdapat dua individu yang benar-benar serupa tetapi semua kanak-kanak yang normal cenderung untuk mengikuti susunan pertumbuhan secara umum yang terjadi pada manusia.

Definisi Perkembangan

Perkembangan boleh didefinisikan sebagai perubahan tingkah laku yang tersusun dan teratur. Semua perubahan dalam perkembangan ini akan membantu individu dalam proses mencapai kematangan. Perkembangan merupakan perubahan kualitatif yang tidak dapat diukur secara kuantitatif. Perubahan menunjukkan sifat yang berbeza daripada tahap perkembangan yang terdahulu.

Perkembangan juga adalah sebagai perubahan pada struktur, pendapat dan tingkah laku individu. Ia terhasil daripada fungsi biologi, faktor pemakanan dan pengaruh alam sekitar. Perkembangan juga merupakan perubahan yang bersifat kualitatif tetapi dapat dilihat dengan membandingkan sifat yang terdahulu dengan sifat yang terbentuk. Dengan kata lain, perkembangan boleh juga dianggap sebagai proses di mana individu itu mencapai kematangan, pengukuhan dan kestabilan.

Menurut Crow dan Crow, perkembangan merupakan perubahan secara kualitatif serta cenderung ke arah lebih baik dari segi pemikiran, rohani, moral dan sosial. Manakala menurut Karl E. Garrison, perkembangan adalah dihasilkan daripada tindakan yang saling berkaitan di antara perkembangan jasmani dan pembelajaran. Sementara D.S Wright dan Ann Taylor mentakrifkan perkembangan sebagai perubahan yang berlaku dalam warisan hayat (baka) dan

organisasi kepada struktur organisma dalam keadaan saling berkait serta berhubung dengan pertambahan umur.

Atan Long menerangkan perkembangan merupakan perubahan yang bersifat kualiti. Perkembangan membawa sesuatu organisma ke peringkat matang dan berterusan berlaku walaupun peringkat kematangan telah dilampaui.

Ciri-ciri Perkembangan

Antara ciri-ciri perkembangan ialah:

- (a) Secara umumnya perkembangan berlaku secara berperingkat-peringkat iaitu bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua.
- (b) Semua kanak-kanak mengikut perkembangan yang sama tetapi dalam kadar yang berlainan.
- (c) Proses perkembangan bersifat berterusan iaitu sepanjang hayat seseorang individu itu.
- (d) Perkembangan merupakan satu proses perubahan yang berlaku akibat tindakan yang saling berkait di antara perkembangan jasmani dan pembelajaran.
- (e) Perkembangan dipengaruhi faktor baka dan persekitaran. Baka menentukan had perkembangan manakala persekitaran akan menolong perkembangan ke satu tahap maksimum.
- (f) Perkembangan berlaku melalui perubahan dari segi bahasa, suara, tingkah l, cara berfikir, komunikasi dan sebagainya.

Perbezaan antara Pertumbuhan dan Perkembangan

Proses pertumbuhan dan perkembangan adalah dalam keadaan saling berkait yang meliputi perubahan dari segi jasmani, emosi, mental dan sosial yang dapat diukur dari segi kuantitatif dan kualitatif. Keseluruhan proses perubahan tersebut dinamakan sebagai penyuburan. Perbezaan yang nyata di antara pertumbuhan dan perkembangan dari segi jasmani, mental, emosi dan sosial adalah seperti jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2.1 : Perbezaan antara Pertumbuhan dan Perkembangan

PERTUMBUHAN	PERKEMBANGAN
Jasmani Tinggi, berat, saiz, pertumbuhan urat, saraf, dagig, gigi dan pancaindera.	Jasmani Kemahiran menggunakan anggota badan seperti berjalan, berlari dan sebagainya.

Mental Keupayaan berfikir berkembang termasuk perkara subjektif.	Mental Kemahiran menggunakan bahasa, perkataan angka, pemikiran dan penaakulan.
Emosi Perasaan sayang, suka, duka, marah dan sebagainya.	Emosi Berupaya menguasai perasaan dan mengawal perasaan.
Sosial Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya jiran dan masyarakat.	Sosial Timbul kesedaran perbezaan jantina, disiplin kumpulan, peranan dan penyesuaian dengan rakan sebaya.

Teori-teori Perkembangan

Pengetahuan mengenai teori pertumbuhan dan perkembangan akan membolehkan kita mengenali pengaruh sesuatu teori terhadap sesuatu rekabentuk penyelidikan dan cadangan yang disyorkan untuk menangani kanak-kanak. Pembentukan teori-teori dipengaruhi oleh pandangan yang dipegang oleh pengkaji. . Teori-teori yang dikemukakan akan mempengaruhi tindakan ibu bapa, guru, ahli psikologi dan doktor perubatan kanak-kanak.

Antara beberapa teori utama yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi mengenai peringkat perkembangan individu adalah:

- (a) Teori Perkembangan Arnold Gesell
- (b) Teori Perkembangan Robert Haringshurst
- (c) Teori Perkembangan Jean Piaget
- (d) Teori Perkembangan Sigmund Freud
- (e) Teori Perkembangan Erik Erikson

KESIMPULAN

Pengetahuan mengenai teori pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak akan memberi banyak faedah kepada guru, ibu bapa dan golongan profesional untuk membuat keputusan mengenai pembelajaran dan persepsi yang perlu ditegaskan. Setiap satu teori mempunyai penegasannya yang tersendiri terhadap sesuatu konsep yang dikemukakan. Oleh itu kita perlu mengenali kesemua teori agar dapat kita mengetahui kesannya ke atas perkembangan kanak-kanak. Antara faedah utama yang dapat membantu guru sekiranya mempunyai pengetahuan mengenai pertumbuhan dan perkembangan ialah :

- (a) dapat menyediakan isi pelajaran dan objektif yang sesuai dengan keupayan, mental, jasmani dan emosi pelajar.
- (b) menyediakan sumber pengajaran-pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar, disamping bermakna dan menyeronokkan.
- (c) menyediakan pelajaran yang bermula daripada senagn kepada susah, umum kepada khusus dan konkrit kepada abstrak.
- (d) menggunakan strategi pengajaran-pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan mental, jasmani dan emosi pelajar.
- (e) memotivasi dan membimbing pelajar pelajar untuk melakukan pemindahan pembelajaran hasil daipada pemahaman konsep yang telah dipelajari

RUJUKAN

- Ab. Fatah Hasan 1994. *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Alderfer, C. (1972). *Existence, relatedness, & growth*. New York: Free Press.
- Anita Woolfolk. (2004). *Educational Psychology*. 9th Edition. Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Baller, W. R dan Charles, D.C. 1986 *The Psychology of Human Growth and Development*. Rein Holt New York
- Eggen, P. & Ksachak, D. (2001). "Educational Psychology Windows On Classrooms". 5th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Fisher, Jeffrey D; Bell, Paul A; Baum, Andrew (1978). **Environmental Psychology (Second Editon)**. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Flavell J.H. (1977). "Cognitive Development" New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Gross, R. (2001). "Psychology The Science Of Mind And Behaviour". 4th Edition. London : British Library Cathaloguing in Publication Data.
- Hall, C.S and Lindzey, G (1978). **Theories of Personality**. New York: John Wiley & Sons.
- Hergenhahn, B.R. & Matthew Olson. (2001). *An Introduction to Theories of Learning*. 6th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Prentice Hall.
- Maslow, A. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper.
- Matlin M.W. (1994). "Cognition (3rd Ed.)" United States of America : Harcourt Brace McGraw-Hill, Inc.
- Rohaty Mohd. Majzub (1992), **Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru**, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.